

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (75)

6 Oktober 2024
3 Rabiulakhir 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 32/2024

KESEGERAAN MENGAMBIL TINDAKAN OLEH KETUA JABATAN DAN PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELAPORKAN SALAH LAKU PEGAWAI KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB

Merujuk kepada surat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia SPA.100-1/5/2 (21) bertarikh 7 Ogos 2024 berkaitan peranan dan tanggungjawab Pegawai di Pusat Tanggungjawab untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 yang turut dikenali sebagai Akta 605 dengan mengambil tindakan seperti berikut :

- i. Melaporkan dengan segera salah laku pegawai yang melakukan kesalahan tatatertib kepada Pihak Berkuasa Tatatertib.
- ii. Bagi kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab **berkewajipan mematuhi** Peraturan 24, Jadual Kedua, Bahagian III, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) yang mengkehendaki kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah tersebut dilaporkan seberapa segera yang mungkin kepada Pihak Berkuasa Tatatertib.

Peruntukan Peraturan 24: Tatacara dalam hal ketidakhadiran tanpa cuti

“(1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatannya hendaklah, secepat yang mungkin, melaporkan hakikat itu berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan.”

2. Pihak Universiti memandang serius peranan dan tanggungjawab Pegawai ke atas pegawai-pegawai bawahannya terutama yang berkaitan kawalan dan pengawasan terhadap kes salah laku dan ketidakhadiran tanpa cuti oleh staf Universiti.

3. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan dan Pegawai di Pusat Tanggungjawab adalah dimohon untuk **mengambil perhatian serius** terhadap pemerhatian ini serta **mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur** dalam mengurus kes tatatertib dan rayuan tatatertib selaras dengan prinsip keadilan asasi serta mematuhi prosedur dan peraturan yang digariskan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah



PENGERUSI
Chairman
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Public Services Commission Malaysia
ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F
NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8091 9000
Laman Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 (21)

Tarikh : 7 Ogos 2024
3 Safar 1446H

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KESEGERAAN MENGAMBIL TINDAKAN OLEH KETUA JABATAN DAN
PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELAPORKAN
SALAH LAKU PEGAWAI KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, salah satu fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan adalah menjalankan **kawalan tatatertib** ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam yang berada di bawah bidang kuasanya iaitu perkhidmatan awam am Persekutuan, perkhidmatan awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Bagi melaksanakan fungsi tersebut, SPA memainkan peranan sebagai **Pihak Berkuasa Tatatertib** dan juga sebagai **Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (LRTT)**.

3. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, SPA mendapati terdapat **kelewatan di pihak Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab** melaporkan salah laku pegawai yang melakukan kesalahan tatatertib kepada Pihak Berkuasa Tatatertib. Terdapat keadaan di mana laporan salah laku kepada Pihak Berkuasa Tatatertib telah dibuat selepas pegawai tersebut dinaikkan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat atau menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Hal ini membangkitkan isu pemaafan (*condonation*) di pihak Jabatan.

4. SPA juga mendapati terdapat kes-kes di mana Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan membatalkan keputusan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan membebaskan pegawai atas alasan kelewatan Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab melaporkan salah laku pegawai kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. **Kelewatan** ini telah ditafsirkan oleh pihak Mahkamah sebagai **suatu pemaafan (*condonation*)** dan menyebabkan **tindakan tatatertib tidak lagi boleh diambil** terhadap pegawai.

5. Bagi kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab **berkewajipan mematuhi** Peraturan 25 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang mengkehendaki kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah tersebut **dilaporkan seberapa segera yang mungkin** kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Peruntukan Peraturan 25 tersebut adalah seperti berikut:

“Peraturan 25. Prosedur dalam hal ketidakhadiran tanpa cuti.

*(1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, **Ketua Jabatannya hendaklah, seberapa segera yang mungkin, melaporkan hakikat itu** berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan.”*


6. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan atau Pengerusi Lembaga Tatatertib adalah dimohon untuk **mengambil perhatian serius** terhadap pemerhatian ini serta **mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur** dalam menguruskan kes tatatertib dan rayuan tatatertib selaras dengan prinsip keadilan asasi serta mematuhi prosedur dan peraturan yang digariskan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ahmad Jailani Bin Muhammed Yunus', written over a horizontal line.

(DATO' SERI DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMMED YUNUS)